

MALAM tadi di Dataran Merdeka orang berpusu-pusu menonton konsert Ambang 2012. Ini konsert tahun baru yang seolah-olah menjadi satu tradisi menyambut tahun baru di Kuala Lumpur. Tatkala jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad berdentum menandakan pukul 12 malam, itu adalah tirai baru 2012 dan kita meninggalkan 2011 dengan segala macam cerita dan peristiwa. Pada tahun-tahun baru sebelum ini terlalu banyak yang buat klise, azam baru. Macam-macam azam tapi tidak digerakkan menjadi kenyataan. Biarlah tahun ini kita tidak berazam tapi membuat perubahan. Tahun lama kepada tahun baru adalah perubahan. Itu perubahan masa yang tidak dapat ditahan atau tidak dapat pula dipercepatkan. Siti percaya keriuhan konsert di Dataran Merdeka malam tadi bukanlah tanda sebahagian daripada kita mahu berubah. Di Dataran Merdeka, buat konsert macam mana sekalipun akan penuh sesak oleh manusia. Biarlah kalau konsert di Dataran Merdeka satu tradisi yang tidak boleh diubah. Tahun ini diharap penamat segala macam kontroversi yang akhirnya tidak memberikan apa-apa. Cukuplah tahun lepas kita melayan banyak kontroversi tapi akhirnya tak ada perubahan. Dalam kesusasteraan, kontroversi novel Interlok menjadi panas menggelegak. Kerajaan pun ketika itu sudah ambil ketetapan tidak berganjak walau diterjah desakan sebesar mana pun. Tapi macam kita tahu, akhirnya Interlok kalah juga. Dalam senyap-senyap Interlok yang sudah dicetak semula diganti dengan Konserto Terakhir. Kenapa? Malas nak cakaplah. Siti melihat satu isyarat menarik apabila Konserto Terakhir menggantikan Interlok. Banyak pihak sudah tidak bercakap apa-apa lagi. Barangkali mereka sudah bosan apabila "drama" Interlok diberi penamat yang sedemikian rupa. Siti pun sebenarnya bosan juga untuk menulis mengenai perkara ini. Bagi Siti, diam adalah protes senyap. Budayawan, sasterawan dan para intelektual sudah malas bersuara dan memberi pandangan.

Maka pada tahun baru, tinggalkan kontroversi Interlok. Biarlah dunia menjadi aman dan tenteram. Pada masa yang sama golongan sasterawan dan budayawan perlu memperkatakan perkara-perkara lain yang tidak membuang masa seperti isu Interlok. Kalau ini dapat dilakukan, inilah perubahan tahun baru 2012. Dalam profileman pun, buatlah perubahan. Tahun lepas khabarnya kutipan filem tempatan meningkat 100 peratus berbanding tahun sebelumnya. Tahun lepas mencatatkan kutipan RM100 juta. Tahun ini dijangka 70 filem tempatan akan ditayangkan. Kutipannya mungkin lebih besar. Ketika inilah paling sesuai untuk mengubah keadaan filem tempatan supaya boleh dibanggakan juga isi kandungannya. Ini kerana pada akhirnya sifat filem sebagai karya seni akan dilihat pada isinya. Filem akhirnya akan dilihat sumbangannya kepada sudut pembinaan akal budi manusia. Filem di mana-mana negara sekalipun tidak pernah dilihat sebagai tempat menyediakan peluang pekerjaan. Sebab itulah tahun ini usaha memperelok filem tempatan mesti dilaksanakan. Lupakan kontroversi festival filem. Kalau banyak filem kurang baik macam mana festival akan jadi lebih baik. Lalu kepada mereka yang merayakan tahun baru di Dataran Merdeka malam tadi, tinggalkan mimpi kemilau itu di sana. Hari ini kita mesti sama-sama berkerja untuk membuat perubahan, tidak kira siapa dan apa bidang kita. Siti sendiri akan buat perubahan pada isi kandungan pojok ini. Pendek kata, tahun baru mesti ada perubahan. Kalau malas sebut perubahan, sebutlah transformasi. Baru ada kelas sikit.

SITI JARUM: Tak layan isu basi.



## Pembelian aset pertahanan selari harga siling - Zahid

KUALA LUMPUR 1 Jan. - Kos pembelian aset-aset dalam inventori pertahanan negara tidak melebihi siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan sekali gus tidak berlaku penyelewengan dalam perolehan tersebut. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, lebihan perbelanjaan hanya berlaku berikutan kenaikan kadar pertukaran wang asing dan faktor penting yang lain. "Harga siling telah ditentukan oleh bajet yang diperuntukkan dan semua aset yang dibeli termasuk kapal tempur pesisir pantai (LCS), lazimnya tidak melebihi siling yang ditentukan itu kecuali bila berlaku kenaikan pertukaran wang asing. "Kenaikan kos juga mungkin berlaku apabila terdapat pertukaran spesifikasi terhadap aset berkenaan namun boleh dikatakan perbelanjaan kesemua aset menepati siling yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Pergerakan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kumpulan 1 Siri 9/2012" di Mindef 2, Bangunan Zetro, Wangsa Maju di sini, hari ini..



## Shahrizat cuti rehat tiga minggu bantu siasatan SPRM isu NFC

KUALA LUMPUR 12 Jan. - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memaklumkan beliau akan mula bercuti rehat daripada menjalankan tugas sebagai menteri selama tiga minggu bermula esok. Dalam satu kenyataan di sini hari ini beliau berkata, permohonan cuti rehat itu dibuat bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadapnya berhubung isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) yang hangat diperkatakan sebelum ini. Katanya, beliau telah pun membuat permohonan cuti tersebut daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini. "Saya berharap SPRM akan dapat menjalankan siasatan sama ada saya terlibat atau tidak di dalam apa-apa keputusan yang dibuat oleh kerajaan mengenai NFC di mana suami saya Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif," katanya. Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya diikuti dakwaan pembangkang wujud penyelewengan peruntukan kerajaan berjumlah RM250 juta kepada NFC. Ia termasuk dakwaan mengenai berlaku penyalahgunaan wang pinjaman yang diperoleh NFC bagi membeli kondominium mewah berharga RM9.8 juta di Lembah Klang. Shahrizat sebelum ini menegaskan, beliau tiada kena-mengena dengan isu berkaitan NFC.



## Kerajaan akan umum langkah atasi kemelut NFC - TPM

KANGAR 14 Jan. - Kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah mengatasi isu yang melanda Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFC) dalam masa yang terdekat, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini. Katanya, kerajaan sedang merancang mengenai kaedah mengatasi isu itu dan beliau bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar akan berbincang mengenainya sebelum memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Muhyiddin berkata, segala aset NFC telah dibekukan sementara dan Perdana Menteri telah melantik beliau bersama Noh akan memantau NFC. "Saya telah berbincang dengan Perdana Menteri bahawa isu NFC ini dimanipulasi oleh pembangkang dan telah sampai ke penghujungnya bahawa kerajaan akan ambil tindakan dan akan umumkan (tindakan yang diambil) dalam masa yang terdekat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari dan penyampaian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Dewan 2020 di sini. Beliau berkata, kerajaan akan meneliti semula semua aspek mengenai NFC itu termasuk meneliti daripada aspek undang-undang dan perjanjian antara kerajaan dengan syarikat terbabit. Muhyiddin berkata, kerajaan mempunyai cara untuk menyelesaikan isu itu dan rakyat akan mengetahui tindakan yang diambil terhadap isu itu selepas memaklumkannya kepada Perdana Menteri.

PARIT BUNTAR 14 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengesahkan aset Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) telah dibekukan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penyelewengan peruntukan kerajaan berjumlah RM250 juta kepada syarikat itu. Perdana Menteri berkata, beliau telah menyerahkan kepada Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar untuk mencari penyelesaian terbaik termasuk mengenai masa depan syarikat projek lembu daging itu. "Sebenarnya aset NFC memang sudah dibekukan. Saya sudah serah kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengkaji penyelesaian terbaik dalam soal NFC. "Satu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sedang berjalan dan satu lagi mengenai masa depan NFC itu sendiri," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Padang Bandaran di sini hari ini. Beliau ditanya mengenai perkembangan isu NFC yang dikaitkan dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Shahrizat yang juga Ketua Wanita UMNO mula bercuti rehat daripada menjalankan tugas sebagai menteri selama tiga minggu bermula semalam bagi membantu siasatan kes itu. Dalam perkembangan sama, Najib menyifatkan keputusan Shahrizat itu sebagai tepat bagi membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan dengan rapi. "Saya telah berbincang dengan beliau dan keputusan itu tepat bagi membolehkan pihak berkuasa buat siasatan rapi. Shahrizat beritahu saya beliau sanggup disiasat sepenuhnya. "Apa yang akan berlaku kemudian tertakluk kepada hasil siasatan yakni siasatan dari awal lagi. Maknanya sama ada dia sebagai seorang menteri terlibat dalam proses pemberian kepada kontrak itu," jelasnya.

#### Isu Perbadanan Fidlot Nasional akan diatasi - Muhyiddin

KANGAR 14 Jan. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah bagi mengatasi isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) selepas ia dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Menurut beliau, tindakan tersebut bagi mengelakkan kekeliruan rakyat berhubung isu berkenaan yang sering dimanipulasikan oleh pembangkang termasuk melalui media sosial. "Saya telah berbincang dengan Perdana Menteri, beliau meminta saya melihat perkara ini sehingga ke penghujungnya sebelum langkah tertentu diambil," katanya selepas menghadiri Program Jalinan Mesra Rakyat di Dewan 2020 di sini hari ini. Beliau menjawab soalan mengenai kemerluat yang melanda NFC sehingga menyebabkan asetnya dibekukan. Isu itu turut 'mengheret' Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil apabila Laporan Audit Negara 2010 pada Oktober lalu mendapati NFC yang diterajui suaminya, Dr. Mohamad Salleh gagal memenuhi matlamat penubuhannya. Kata Muhyiddin, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, pegawai-pegawai kementerian itu dan penasihat undang-undang untuk melihat sebarang kewajaran terhadap tindakan bakal diambil berhubung isu tersebut. "Kita melihat apakah tindakan wajar terhadap perjanjian antara kerajaan dengan syarikat terbabit dari sudut perundangan. Mungkin kalau ada keputusan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) atau siasatan polis, ia boleh dijadikan panduan untuk kerajaan membuat tindakan," tambah beliau.



## SPRM teliti pelbagai aspek dalam dakwaan penyelewengan NFC

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneliti pelbagai aspek berhubung kes dakwaan penyelewengan dana kerajaan dalam Pusat Fidlot Nasional (NFC). Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali berkata, badan itu memberi jaminan siasatan dijalankan secara menyeluruh dan telus sebelum laporan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. "Saya tidak boleh mengulas dengan lebih lanjut isu ini bagi mengelakkan gangguan terhadap siasatan yang sedang dijalankan," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini hari ini. Media semalam melaporkan aset NFC dibekukan bagi membantu siasatan dakwaan berlaku penyelewengan dana kerajaan dalam projek yang turut dikaitkan dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan pembekuan aset berkenaan turut meminta Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar menjalankan kajian untuk mencari penyelesaian terbaik bagi menangani kes itu. Operasi pusat itu masih berjalan seperti biasa sekalipun aset syarikat dibekukan sejak tiga minggu lalu. Isu NFC berbangkit berikut Laporan Ketua Audit Negara 2010 Oktober lepas yang menyatakan ia gagal memenuhi matlamat penubuhannya, manakala pembangkang mendakwa berlaku penyelewengan dalam pengurusan dana terutama berkaitan pembelian kondominium mewah di Lembah Klang.



## Isu NFC: Ketua Audit Negara didesak dedah surat

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Ketua Audit Negara didesak mendedahkan keterangan yang diberikan oleh National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC) menerusi surat jawapan yang dihantar kepadanya berhubung dakwaan penyelewengan dana kerajaan oleh syarikat berkenaan. Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali berkata, beliau diberitahu oleh Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail bahawa surat jawapan telah dihantar kepada Ketua Audit Negara berhubung dakwaan yang dilontarkan terhadap syarikat itu selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 didedahkan. Beliau difahamkan, pihak Jabatan Audit Negara telah menerima surat jawapan itu dan mengakui bahawa tidak berlaku sebarang penyelewengan dan semuanya di bawah kawalan serta mengikut peraturan. "Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh telah menghantar surat jawapan kepada Ketua Audit Negara mengenai dakwaan terhadap NFC dan beliau memberitahu bahawa Jabatan Audit juga telah menerima serta mengakui bahawa tidak berlaku penyelewangan seperti didakwa. "Bagaimanapun, tiada pengumuman dibuat oleh Ketua Audit Negara berhubung perkara berkenaan, jadi kami mendesak beliau membuat kenyataan rasmi mengenainya dan berlaku adil kepada semua pihak supaya seseorang itu dibela atau dihukum atas sebab yang sah faktanya, bukan kerana persepsi politik.

"Kami sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak berpihak kepada sesiapa, kami menerima apa sahaja keputusan yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak polis. Justeru, kami berharap SPRM serta pihak polis menyegerakan siasatan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. Perkasa bersama 11 lagi NGO sebelum itu diberikan taklimat dan penerangan oleh Mohamad Salleh berhubung isu dakwaan penyelewengan dana kerajaan membabitkan NFC yang menjadi tumpuan ketika ini. Antara NGO yang hadir ialah Pertubuhan Pemikir Profesional Melayu Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Majlis Perundingan Malaysia, Majlis Usahawan Malaysia dan Persatuan Anak Kelantan Malaysia. Isu membabitkan NFC timbul ekoran Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu yang menyatakan syarikat berkenaan gagal memenuhi matlamat penubuhannya sebagai *integrator* Pusat Fidlot Nasional. Sementara itu, Ibrahim berkata, beliau dan 11 NGO lain berpuas hati serta menerima baik penjelasan yang diberikan Mohamad Salleh berhubung isu berkenaan.

"Berdasarkan apa yang dijelaskan kepada kami, ia tidaklah seteruk seperti yang dilaporkan oleh media sebelum ini dan kami berpuas hati dengan penjelasan tersebut," jelasnya.



## 12 NGO puas hati dengan penjelasan NFC

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Wakil daripada 12 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berpuas hati dengan penjelasan Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFC) berhubung dakwaan penyelewengan dana kerajaan oleh perbadanan itu. Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali yang mewakili NGO tersebut berkata, keputusan ini dicapai selepas mendengar penjelasan Pengerusi Eksekutif NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail dalam pertemuan selama dua jam setengah bermula pada pukul 9.30 pagi di Hotel Putra di sini hari ini. "Sebelum ini kami turut keliru dengan isu NFC, tetapi selepas mendengar taklimat dan penjelasan daripada pengerusi eksekutif NFC sendiri, kami berpuas hati dan menerima penjelasan itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat tersebut. Antara NGO yang hadir ialah Majlis Usahawan Malaysia, Persatuan Anak Kelantan Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Majlis Perundingan Malaysia dan Persatuan Pemikir Profesional Malaysia. Ibrahim berkata, mereka juga akan menerima segala keputusan yang dibuat oleh polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kes itu. Isu NFC, yang terlibat dalam projek "Lembah Daging" di Gemas, Negeri Sembilan bagi meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan mengurangkan pergantungan negara terhadap daging import, menjadi isu apabila Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober tahun lepas menyatakan ia gagal memenuhi matlamat penubuhannya. Berikutan dengan laporan Audit itu, pembangkang pula mendakwa berlaku penyelewengan dalam pengurusan dana tersebut, terutama berkaitan pembelian kondominium mewah di Lembah Klang.



## 144 syarikat skim pelaburan haram di Malaysia

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Suruhanjaya Sekuriti (SC) menyenaraikan sebanyak 144 syarikat skim pelaburan dan individu yang menjalankan kegiatan pelaburan secara haram di negara ini. Skim tersebut kebanyakannya adalah skim cepat kaya yang menggunakan medium seperti pelaburan dalam Internet yang kononnya beroperasi di luar negara. Sepanjang tahun lalu sahaja, SC menerima sebanyak 501 aduan berhubung skim pelaburan yang dikatakan menipu pelabur serta 505 pertanyaan mengenai perkara yang sama. SC terlibat dalam memantau syarikat dan individu yang menjalankan aktiviti jual beli saham, bon, sekuriti, kontrak niaga hadapan dan unit amanah dalam negara. Kebanyakan syarikat yang dikatakan sebagai syarikat pelaburan itu mendaftar di luar negara dan mengaburi mata pelabur dalam menjalankan perniagaan seperti perlombongan dan petroleum. Menurut laman web SC lagi, seorang pelabur perlu mengetahui serba sedikit selok belok pelaburan sebelum menjalankan sebarang pelaburan tidak kira berapa pun jumlahnya. Ini kerana terdapat pelbagai kes penipuan yang dijalankan oleh mereka yang mahu mengaut keuntungan dalam menipu duit mangsa. Bagi pelabur yang tidak mahu mengambil risiko ditipu, mereka boleh menghubungi pihak SC dalam mendapatkan kepastian sama ada ejen, syarikat dan skim itu berdaftar atau tidak. Jika tidak, pelabur dinasihatkan melaporkan perkara itu kepada pihak SC dan Bank Negara bagi mendapat tindakan lanjut. Sementara itu, bagi mereka yang telah melabur pula diingatkan agar menyimpan segala dokumen yang berkaitan dengan pelaburan tersebut dalam memudahkan tuntutan dibuat jika berlaku sebarang masalah. Bagi sebarang pertanyaan, pelabur boleh terus menghubungi SC di talian 03-62048000 dan melayari laman web SC di <http://www.sc.com.my>.



## PAC masih belum terima laporan Perhutanan Perak

IPOH 24 Jan. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang negeri Perak (PAC) masih belum menerima laporan mengenai penerokaan haram Hutan Simpan Kekal Chikus di Teluk Intan yang membabitkan kawasan tanah lebih 4,000 hektar, kata Pengurusnya, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar. "Sehingga kini kita masih belum menerima sebarang laporan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP). PAC akan membuat semakan di Jabatan Audit sama ada mereka telah menerima laporan itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini. Katanya, perkara itu dianggap serius kerana membabitkan agensi kerajaan akan dibincangkan dalam mesyuarat pertama PAC tahun 2012 pada hujung bulan ini. Beliau berkata, JPNP tidak seharusnya membisu berhubung perkara itu kerana ia membabitkan kawasan Hutan Simpan Kekal dan sebarang penerokaan untuk tanaman tidak boleh dilakukan di dalam kawasan berkenaan.



## Ketua Audit Negara beri penjelasan laporan PFN

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Jabatan Audit Negara (JAN) menjelaskan bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2010 tidak ada menyebut perkataan-perkataan seperti kucar kacir, "in a mess" ataupun penyelewengan dalam laporan audit terhadap projek Pusat Fidlot Nasional (PFN) di Gemas, Negeri Sembilan. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam kenyataan hari ini berkata, perkataan-perkataan ini telah digunakan oleh pihak-pihak lain dan JAN tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan. Beliau berkata, pada pendapat JAN, sama ada terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek itu, terpulanglah kepada penyiasatan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Katanya lagi, pada perspektif audit, sememangnya terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek itu yang menyebabkan kerajaan menangguhkan pelaksanaannya pada Mei 2009, iaitu sebelum pengauditan dijalankan, sehingga satu kajian daya maju dan model perniagaan dijalankan. "Perkara ini ada dinyatakan dalam LKAN 2010. Ia membayangkan kerajaan Malaysia sememangnya sedar akan kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan projek ini dan telah mengambil tindakan untuk menentukan hala tuju projek," katanya. Ambrin berkata, pengauditan bagi projek PFN dibuat secara bebas dan profesional tanpa sebarang prejudis kepada mana-mana pihak dan sebarang kenyataan yang mempertikaikan kewibawaan dan integriti juruaudit JAN adalah dikesali.



## Penjelasan Jabatan Audit Negara mampu bersihkan NFCorp

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Pengurus Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail menyifatkan penjelasan yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara semalam mampu membersihkan nama syarikat itu yang menjadi mangsa fitnah pembangkang. Sambil melahirkan rasa syukur dan berterima kasih mengenai penjelasan itu, Mohamad Salleh beranggapan kenyataan jabatan tersebut juga dapat membebaskan NFCorp daripada kekejaman pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kata Mohamad Salleh, beliau tidak dapat mengelak daripada berasa hairan mengapa jabatan berkenaan mengambil masa yang lama untuk membuat penjelasan tersebut kepada umum sedangkan isu berkenaan sudah berlarutan agak lama. "Daripada penjelasan yang dibuat oleh jabatan itu, adalah jelas Laporan Ketua Audit Negara 2010 membuat teguran terhadap kerajaan atau projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan dan bukannya NFCorp," katanya. Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada penjelasan yang dibuat Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang semalam bahawa perkara yang menjadi fokus utama pengauditan prestasi yang dibuat jabatan itu adalah pencapaian NFC sejak ditubuhkan pada 2006 dan bukannya NFCorp sebagai sebuah syarikat.

Ambrin dalam kenyataan itu juga berkata, laporan jabatan tersebut tidak ada menyebut perkataan-perkataan seperti kucar-kacir, 'in a mess' atau penyelewengan dalam laporan pengauditannya terhadap projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan. Bagaimanapun, projek NFC telah dijadikan isu oleh pembangkang yang menggambarkan seolah-olah ia diuruskan dengan melibatkan penyelewengan termasuk mengaitkannya dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Mohamad Salleh menambah, media sepatutnya dari awal tidak terpengaruh dengan permainan pembangkang yang memutar belit fakta dalam isu NFC itu kerana jelas ia adalah satu fitnah. "Malangnya saya melihat media terikut-ikut dengan permainan pembangkang ini sedangkan kita tahu bahawa mereka berniat untuk menghancurkan negara," katanya. Sementara itu, Pengarah Eksekutif NFCorp, Wan Shahinur Izmir Mohamad Salleh dalam satu kenyataan di sini, hari ini berkata, penjelasan Jabatan Audit Negara itu akan menjadi pemangkin kepada syarikat berkenaan untuk membersihkan imej, seterusnya menguatkan persepsi awam terhadap perniagaan yang dijalankan mereka.



### Projek NFC tidak gagal - Noh

Oleh HELMI MOHD. FOAD [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

KUALA SELANGOR 26 Jan. - Penjelasan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mengenai isu Pusat Fidlot Nasional (NFC) jelas membuktikan projek tersebut yang melibatkan syarikat National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCopr) tidak mengalami sebarang kegagalan. Sebaliknya, Menteri Pertanian dan Industri Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, isu berkenaan sengaja dimainkan oleh pembangkang bagi mengelirukan masyarakat termasuk mengatakan ia diberikan kepada keluarga tertentu dan mengalami kegagalan. Beliau menegaskan, Indeks Prestasi Utama (KPI) syarikat berkenaan sudah tercapai melalui pengeluaran sebanyak 8,016 ekor lembu sejak 2008 sehingga 2010 manakala yang berjaya disembelih adalah sebanyak 5,742 ekor. "Saya ucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara kerana memberikan penjelasan dan yang dijelaskan itu sebenarnya telah saya terangkan dengan panjang di Parlimen selama lebih satu setengah jam pada sesi penggulungan kementerian sebelum ini. "Malangnya pembangkang telah berjaya memutarkan isu itu termasuk dikeluarkan dalam blog dan akhbar mereka serta digunakan sebagai bahan ceramah di seluruh negara, ia mengelirukan rakyat, mereka menganggap projek tersebut gagal dan diberikan kepada keluarga tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada para penerima yang layak di Bukit Belimbing di sini hari ini. Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang mengulas penjelasan Jabatan Audit Negara semalam bahawa Laporan Ketua Audit Negara 2010 tidak ada menyebut perkataan seperti kucar-kacir, *'in a mess'* ataupun penyelewengan dalam laporan audit terhadap projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam kenyataan semalam berkata; "Perkataan-perkataan ini telah digunakan oleh pihak-pihak lain dan Jabatan Audit Negara tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan." Noh menjelaskan, pertikaian yang ditimbulkan oleh pembangkang bahawa kerajaan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM250 juta kepada NFCorp sebelum perjanjian dimeterai sebenarnya jelas menunjukkan mereka keliru. Katanya, ini kerana sebenarnya terdapat dua perjanjian telah dilakukan antara syarikat swasta tersebut dengan kerajaan iaitu pertama pada 6 Disember 2007 dengan Kementerian Kewangan membabitkan pinjaman berkenaan. Satu lagi perjanjian pula, katanya, membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang ditandatangani pada 8 Mac 2010 iaitu ketika kementerian tersebut di bawah teraju beliau. "Jadi tidak mungkin perjanjian belum ditandatangani, duit sudah dikeluarkan, jadi pembangkang putar belit bahawa perjanjian dibuat pada 2010 sedangkan perjanjian sebelum itu tidak disebut," katanya.

Noh menjelaskan, kelewatan yang berlaku pada pelaksanaan projek tersebut bermula ketika proses hendak membersihkan tapak seluas 5,000 hektar di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 1,500 hektar kepada NFCorp manakala 500 hektar diberikan sebuah syarikat lain dan kerajaan Negeri Sembilan mendapat 3,000 hektar. Sambil menjelaskan syarikat tersebut dipilih melalui tender terbuka, Noh berkata, kelewatan selama setahun tersebut menjadi punca NFCorp gagal menyembelih hingga 8,000 ekor lembu sebagai disasarkan sehingga 2010. "Jadi dalam laporan audit jelas menyatakan lembu tersebut tidak mencapai jumlah sembelihannya tetapi apabila audit masuk, jumlah lembu 8,000 ekor itu memang ada," katanya.

Beliau berkata, perkara tersebut timbul akibat rumah sembelih yang sepatutnya disediakan oleh kementeriannya terpaksa dihentikan sementara (KIV) akibat keputusan Kementerian Kewangan mengarahkan satu kajian kebolehlaksanaan terhadap projek itu dilakukan. "Ini menyebabkan kapasiti menyembelih lembu tidak dapat ditampung oleh rumah sembelih yang dibina oleh NFCorp yang hanya mampu menyembelih 100 ekor sehari berbanding keperluan sebenar sebanyak lebih 300 ekor sehari," katanya. Selain itu, Noh berkata, bagi melahirkan usahawan pula, kementerian hanya mampu menyiapkan 59 ladang satelit berbanding cadangan asal sebanyak 130. Namun, katanya, daripada jumlah tersebut hanya 26 ladang satelit yang berjaya beroperasi manakala 33 lagi tiada pihak yang bersedia untuk menjalankan operasi ladang berkenaan. "Jadi ladang satelit berkenaan yang sepatutnya menjadi pembekal kepada NFCorp tidak dapat menampung bekalan lembu bagi memastikan sasaran jumlah lembu disembelih NFC dicapai." Katanya, beliau sendiri ada mencabar parti pembangkang yang sanggup untuk tampil menjadi operator ladang satelit berkenaan yang mengamalkan sistem integrasi. "Sampai sekarang tiada sebarang surat daripada pembangkang termasuk kerajaan PKR Selangor yang menunjukkan mereka berminat untuk menjadi operator ladang berkenaan," bidaan beliau.



### Penjelasan Ambrin kikis syak wasangka masyarakat, NGO sambut baik

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Penjelasan Jabatan Audit Negara yang tidak pernah menyebut wujudnya perkataan kucar-kacir ataupun penyelewengan dalam laporan pengauditan terhadap projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) disambut baik oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Walaupun penerangan itu dikatakan mengambil masa yang agak lama, kenyataan terbaru oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang semalam berjaya mengikis syak wasangka masyarakat terhadap kes tersebut. Setiausaha Gabungan NGO Malaysia, Mohd. Jurit Ramli berkata, laporan itu juga menunjukkan betapa liar tuduhan yang direka oleh sesetengah pihak untuk memalukan kerajaan. Tambahan beliau, Jabatan Audit Negara tidak sepatutnya mengambil masa yang terlalu lama untuk membuat penjelasan mengenai perkara sebenar dan apa yang sepatutnya difahami umum. "Walaupun ambil masa agak lama tetapi kita berterima kasih di atas laporan terbaru itu. Masyarakat perlu tahu cepat jika tidak, kerajaan yang akan menanggung pelbagai persepsi buruk. "Tempoh yang lama bukan sahaja buat rakyat keliru dan pembangkang ambil kesempatan tetapi lebih menyedihkan ada pemimpin UMNO sendiri yang membuat tuduhan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini. Ambrin semalam menjelaskan laporan Ketua Audit Negara 2010 tidak ada menyebut perkataan-perkataan seperti kucar-kacir, *in a mess* ataupun penyelewengan dalam pengauditan terhadap projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan. Sehubungan itu Mohd. Jurit berkata, isu berkenaan harus dijadikan teladan kepada mana-mana pihak berkuasa atau yang terbabit untuk menyedari betapa penting satu tindakan dan penjelasan yang pantas. Katanya, penjelasan itu juga membuktikan kes NFC bukan satu penyelewengan yang dilakukan kerajaan tetapi mungkin berlaku akibat kelemahan pengurusan perniagaan.

Sementara itu, Pengurus Gabungan Anti Penyelewengan Selangor (GAPS), Hamidzun Khairuddin mencadangkan supaya mekanisme laporan audit negara diperbaiki bagi mengelakkan laporan tidak tepat. Katanya, Jabatan Audit Negara mungkin perlu mengemukakan satu laporan secara terperinci bagi memastikan tiada kekeliruan dan ruang untuk pihak tertentu membuat analisis secara tidak jujur. "Perkara audit ini adalah satu perkara yang sensitif dan ia sepatutnya memberikan satu laporan yang tepat bukannya mengelirukan. "Saya tidak tahu nak jelaskan caranya tetapi mungkin laporan secara terperinci perlu dikemukakan atau ia langsung tidak didedahkan," katanya. Hamidzun berkata, laporan yang tidak lengkap hanya akan menyebabkan orang ramai keliru sekali gus mencalar kredibiliti badan yang terbabit melakukan pengauditan. Presiden Persatuan Pemikir Profesional Melayu Malaysia, Prof. Datuk Dr. Kamaruddin Kachar berkata, penjelasan Ketua Audit Negara itu membuktikan kemelut yang berlaku dalam NFC tidak seteruk yang dicanang pembangkang. "Mungkin ada sebab tertentu laporan itu sedikit lewat tapi yang penting kita sudah dapat gambaran apa yang berlaku dalam NFC. "Ia bukanlah satu keadaan yang tidak dapat diselamatkan," katanya.



Tuanku Muhriz berkenan rasmi Wisma Audit NS



Tuanku Muhriz Tuanku Munawir bersama Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud dengan diiringi Mohamad Hasan dan Ambrin Buang berkenan melawat pameran pada Majlis Perasmian Wisma Audit Negeri Sembilan di Seremban, semalam.

SEREMBAN 26 Jan. - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir hari ini berkenan merasmikan Wisma Audit Negeri Sembilan di Pusat Komersial Oakland, Seremban 2 dekat sini. Baginda turut diiringi Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud. Ketibaan Tuanku Muhriz kira-kira pukul 11.30 pagi di pekarangan wisma berkenaan disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan isteri, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin serta Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang. Hadir sama Undang Luak Sungai Ujong, Datuk Mubarok Dohak; Undang Luak Jelebu, Datuk Musa Wahab; Undang Luak Johol, Datuk Mohd. Jan Abdul Ghani; Undang Luak Rembau, Datuk Muhammad Sharip Othman dan Tunku Besar Tampin, Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri. Majlis berkenaan turut dihadiri Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Razak Mansor dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan. Sementara itu, Ambrin dalam ucapan ringkasnya berkata, wisma yang siap dibina pada Mac tahun lalu dan mula beroperasi pada April 2011 merupakan bangunan yang keempat dimiliki oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan hampir 105 tahun lalu.

"Diharapkan melalui pembinaan bangunan yang menelan belanja hampir RM13.6 juta ini, warga kerja dapat memanfaatkannya sebaik mungkin gus meningkatkan tahap kerja dan kecekapan sistem penyampaian terhadap sektor awam," katanya. Dalam pada itu, Mohamad ketika berucap memberitahu, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Jabatan Audit Negara amat penting dalam usaha memastikan aspek pengurusan kewangan jabatan dan agensi kerajaan sentiasa berada pada tahap yang baik dan terkawal. "Dengan adanya wisma yang serba lengkap termasuk kemudahan komprehensif, diharapkan ia dapat meningkatkan lagi prestasi serta kualiti kerja seluruh warga jabatan audit negeri ini dalam menghasilkan laporan berkualiti. "Keupayaan ini sekali gus dapat membantu kami mempertingkatkan kecemerlangan pentadbiran dan pengurusan kewangan kerajaan negeri" ujarnya.



### NFCorp beri kerjasama 100 peratus

KUALA LUMPUR 27 Jan. - National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) memberi kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia dalam siasatan isu penyelewengan yang dikaitkan dengan syarikat tersebut. Pengarah Eksekutif NFCorp, Wan Shahinur Izmir Salleh berkata, segala tuduhan penyelewengan yang dilemparkan kepada projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) adalah tidak masuk akal dan beliau berharap siasatan SPMR dan polis dapat memperjelaskan keadaan sebenar. "Sekarang, segalanya di tangan polis dan SPMR. Mereka sedang selidik kami, jadi kami beri kerjasama 100 peratus kepada polis, SPMR dan kerajaan. "Kalau pembangkang ada soalan, sila tanya kami, jangan 'balun' sahaja sehingga orang ramai naik darah, tetapi faktanya tidak ada," katanya pada majlis penerangan dan dialog isu NFC anjuran Gabungan NGO Malaysia di sini hari ini. Sebanyak 25 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terlibat pada majlis penerangan itu. Hadir sama Setiausaha Gabungan NGO Malaysia, Mohd. Jurit Ramli; Presiden Persatuan Veteran Tentera Melayu, Mohd. Ali Baharom dan Presiden Gerakan Memartabat Pejuang Negara, Mohd. Arafat Muhabat. Baru-baru ini Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang menjelaskan bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2010 tidak ada menyebut perkataan-perkataan seperti kucar-kacir, 'in a mess' atau penyelewengan dalam laporan audit terhadap projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan. Beliau turut menjelaskan bahawa perkara yang menjadi fokus utama pengauditan prestasi yang dijalankan adalah pencapaian projek NFC sejak penubuhannya pada 2006 dan bukannya NFCorp sebagai sebuah syarikat. Projek NFC dijadikan isu oleh pembangkang yang menggambarkan seolah-olah ia diuruskan dengan melibatkan penyelewengan termasuk mengaitkannya dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



### Ketua Audit Negara perlu beri penjelasan segera

PASIR MAS 28 Jan. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) meminta Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang supaya lebih cepat memberi penjelasan sekiranya timbul masalah daripada laporan tahunan agensi tersebut supaya isu seperti Pusat Fidlot Nasional (NFC) dapat dielakkan pada masa depan. Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, pihaknya amat menghargai penjelasan yang diberikan oleh Ambrin, tetapi sewajarnya ia dibuat lebih cepat bagi meleraikan semua kekeliruan yang diputar belitkan oleh pihak tertentu. "Saya amat menghargai penjelasan yang diberikan oleh Ambrin dalam merungkai semua masalah yang timbul tetapi saya mencadang dan menasihatkan beliau agar lebih cepat memberi penjelasan apabila timbul kontroversi daripada Laporan Ketua Audit Negara bagi mengelak salah tafsir. "Penjelasan itu sudah meleraikan beberapa perkara yang menjadi kekeliruan selepas diputar belitkan oleh pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR), bagaimanapun siasatan yang dijalankan oleh polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu diteruskan dan tidak boleh

diganggu gugat," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini. Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada penjelasan yang dibuat Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang semalam bahawa perkara yang menjadi fokus utama pengauditan prestasi yang dibuat jabatan itu adalah pencapaian NFC sejak ditubuhkan pada 2006 dan bukannya NFCorp sebagai sebuah syarikat. Ambrin dalam kenyataan itu juga berkata, laporan jabatan tersebut tidak ada menyebut perkataan seperti kucar-kacir, *in a mess* atau penyelewengan dalam laporan pengauditannya terhadap projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan. Kenyataan itu dibuat selepas Ibrahim mendesak Ambrin mendedahkan keterangan yang diberikan oleh National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC) menerusi surat jawapan yang dihantar kepadanya berhubung dakwaan penyelewengan dana kerajaan oleh syarikat berkenaan.



### Henti keluar kenyataan mendahului siasatan NFC

KUALA LUMPUR 29 Jan. - Majlis Perundingan Melayu (MPM) yang dianggotai 163 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu menggesa semua pihak supaya menghentikan kenyataan mendahului siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes Pusat Fidlot Nasional (NFC). Setiausaha Agung MPM, Dr. Hasan Mad (gambar) berkata, campur tangan dalam kes penyelewengan yang dikaitkan dengan NFC hanya akan membuatkan rakyat semakin keliru dan marah walhal kerajaan sudah mengarahkan SPMR dan polis melakukan siasatan. "Perlu diingat bahawa rakyat sedang menunggu siasatan oleh SPMR dan polis secara telus. Oleh itu jangan ada pihak yang mengeruhkan lagi kemelut ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. Menurut Hasan, jika ada pun usaha membantu menerangkan situasi itu, ia dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asa Tani, itu pun hanya penjelasan mengenai perbezaan antara NFC dan National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. Katanya, kenyataan oleh Ketua Audit Negara pula menimbulkan kekeliruan dan gagal menjelaskan dengan tepat perbezaan antara kedua-duanya yang didakwa pembangkang melakukan salah guna peruntukan geran kerajaan dan dana pinjaman untuk memajukan projek NFC. Beliau berkata, kekeliruan yang timbul selama ini mendorong banyak pihak tampil membuat pelbagai kenyataan sehingga menggambarkan kerajaan gagal menangani isu itu. Menurut Hasan, NFC dijadikan isu oleh pembangkang yang ingin menggambarkan seolah-olah ia melibatkan penyelewengan termasuk mengaitkannya dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



### 4 April tarikh perbicaraan kes NFC

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, menetapkan dua hari bermula 4 April, untuk perbicaraan kes ahli perniagaan Datuk Shamsulbahrin Ismail, yang dituduh menipu pengarah Perbadanan Fidlot Nasional (NFC), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail sebanyak RM1.755 juta. Hakim Rozilah Salleh menetapkan tarikh itu apabila kes tersebut disebut di hadapan beliau. Ketua Unit pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Abdul Razak Musa memberitahu mahkamah bahawa pendakwaan akan memanggil 15 saksi. Shamsulbahrin, 46, dituduh menipu Mohamad Salleh dengan sengaja menjanjikan khidmat perundingan dengan niat tidak ikhlas untuk memujuk mangsa (Mohamad Salleh) bagi bersetuju membayar khidmat berkenaan. Tertuduh yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Resources Sdn Bhd dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Bukit Tunku di sini pada pukul 6 petang, 20 November tahun lepas. Dia juga dituduh menipu Mohamad Salleh dengan memperdayakan beliau bagi menyerahkan cek bernilai RM1.755 juta. Kesalahan itu didakwa dilakukan di Solaris, Mont Kiara di sini antara 25 November dan 6 Disember tahun lepas. Kedua-dua pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan dirotan serta boleh juga kedua-duanya, jika sabit kesalahan. Shamsulbahrin diwakili Zarina Ismail.